



"The Entrepreneurial University"

The Official Portal of
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Others | ●●●

Search...

Staff
Staff Email
E-Community

[Home](#)

[Info UMK](#)

[Undergraduate](#)

[Postgraduate](#)

[Faculties/Centres](#)

[Faculty of Entrepreneurship & Business](#)

[Faculty of Creative Technology and Heritage](#)

[Faculty of Veterinary Medicine](#)

[Faculty of Agro-Based Industry](#)

[Faculty of Earth Sciences](#)

[Centre for Modern Languages and Generic Development](#)

[Centre for Graduate Studies](#)

[Campus](#)

Student & Alumni Affairs Office
Student

[Home](#) ▶ [Latest News](#) ▶ UMK AGE COUNCIL – JARINGAN KERJASAMA PINTAR UMK DAN INDUSTRI

UMK AGE COUNCIL – JARINGAN KERJASAMA PINTAR UMK DAN INDUSTRI



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) perlu memperkukuhkan jaringan kerjasama pintar melalui pelbagai saluran perundingan terutamanya dalam mendapatkan maklum balas, perkongsian idea dan pandangan yang disalurkan oleh pihak industri untuk menjana idea bagi pembangunan Universiti.

Pengerusi Majlis Action Group for Entrepreneurship (AGE), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman berkata, adalah penting bagi sesebuah Universiti untuk berkembang seiring dan relevan dengan keperluan industri.

"Langkah penubuhan UMK AGE Council adalah usaha penglibatan pihak industri dalam bidang akademik dan penyelidikan untuk memberi impak yang besar bagi memantapkan peranan UMK sebagai sebuah Universiti berteraskan Keusahawanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Majlis Universiti Malaysia Kelantan Action Group For Entrepreneurship (UMK AGE), di sebuah hotel di Kuala Lumpur, pada 22 Januari 2013.



Mesyuarat itu telah dihadiri oleh pihak pengurusan universiti dan enam wakil daripada panel industri (UMK Age Council) iaitu Pengerusi NADICORP Holdings Sdn. Bhd., Y.Bhg. Dato' Sri Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd., Y.Bhg. Dato' Hj. Ameer Ali Mydin, Ketua Pegawai Eksekutif IA Group Sdn. Bhd., Y.Bhg. Dato' Dr.Hamzah Kassim, Presiden Uda Ocean Superstore Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah Urusan Kurnia Insuran (M) Berhad, Y.Bhg. Dato' Shariffuddin Abdul Wahab dan Pengarah Urusan Muslim Best Marketing (M) Sdn. Bhd., Y.Bhg. Hj. Sheikh Ahmad Dusuki bin Sheikh Mohamad.



Hadir sama, Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latiff, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawanan), YBhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Hj. Harun dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razi bin Che Razak.

Sementara itu, Prof. Datuk Dr. Raduan berkata, pada mesyuarat kali ini, pembentangan dua kertas kerja telah diadakan iaitu bertajuk Embedding Entrepreneurship in UMK Study Programme dan Academia-Industry Graduate Development Centre.

Jelas beliau, kertas kerja yang dibentangkan oleh Prof. Dr. Roselina dan Prof. Dr. Mohamad Kamal adalah bertujuan untuk membangunkan nilai-nilai dan ciri-ciri keusahawanan di kalangan siswazah berasaskan ilmu pengetahuan yang akan ditawarkan oleh universiti.

"Ini sejajar dengan teras strategik untuk memastikan semua program relevan industri memiliki unsur-unsur keusahawanan dalam bidang akademik seperti yang telah digariskan," ujar beliau.





Total Visitors :
301736

[Disclaimer](#)

[Privacy Policy](#)

[Security Policy](#)

[Site Map](#)

[Contact Us](#)

[FAQ](#)

[Help](#)

Copyright © 2013 Official Portal University Malaysia Kelantan.
Best View Mozilla/Firefox/IE/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster[at]umk.edu.my
Last Modified: 23/01/2013, 01:05:48.